

Newspaper	Berita Harian
Date	20/08/2017B

# Apa niat Dr M jumpa HINDRAF

BH - 20/8/2017 p5.11



**M. Thillinadan**  
Pengarang Bersuku  
(Berita & Integrasi Media)

**P**ertemuan Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Pengerusi Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (HINDRAF), P Waythamoorthy, minggu lalu, dan pengakuan beliau pentadbirannya gagal menjaga kebajikan masyarakat India sepanjang 22 tahun menjadi perdana menteri, menarik perhatian pemerhati politik.

Namun, rekod menunjukkan ketika zaman Dr Mahathir lebih 80 peratus pengundi India tetap memilih BN. Selepas pertemuan dengan Waythamoorthy, Dr Mahathir sekali lagi menagih simpati dengan janji akan lakukan terbaik untuk masyarakat India jika Pakatan Harapan menang dalam Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang. Beliau akui kaum minoriti yang akan menjadi penentu PRU-14. Jadi tidak hairanlah dalam keadaan terdesak beliau beralih kepada HINDRAF untuk sokongan masyarakat India. Ramai bertaunya betulkah masyarakat India yang jumlahnya hanya tujuh peratus penduduk negara dengan jumlah pengundi berdaftar sekitar satu juta boleh menentukan kalah menang sesuatu parti? Penganalisis politik, Datuk Dr Denison Jayasooriya mendakwa pengundi India menjadi faktor penentu di 62 daripada 222 kerusi Parlimen di mana jumlah pengundi India lebih daripada 10 peratus. Dalam keadaan politik sekarang, 10 peratus dianggap besar. Itulah puncanya Dr Mahathir dikatakan sanggup 'tunduk' memelawa HINDRAF yang pernah diharamkan kerajaan untuk menyertainya. Soalnya, sanggupkah masyarakat India menyokong Dr Mahathir sekali lagi, selepas mengetahui beliau tidak mepedu-

likan mereka ketika menjadi perdana menteri. Bolehkah mereka mempercayainya? Atau, mereka akan kembali menyokong BN pimpinan Datuk Seri Najib Razak. Selepas PRU 2008, Najib yang ketika itu timbalan perdana menteri telah meletakkan agenda mengubah nasib komuniti India antara keutamaannya. Beliau sendiri mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Masyarakat India, kali pertama sebuah jawatankuasa pelbagai agensi kerajaan/kementerian peringkat Kabinet diwujudkan untuk satu kaum minoriti di negara ini. Malah, selepas menjadi perdana menteri, beliau terus mengetuai jawatankuasa itu. Dr Denison berkata selepas 2009, ada kefahaman yang jelas dalam kerajaan bahawa masyarakat India selama ini agak terpinggir daripada arus pembangunan, khususnya kumpulan B40 dan memerlukan bantuan. Katanya, strategi paling komprehensif kerajaan untuk masyarakat India sejak negara merdeka, semestinya Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (MIB) yang dilancarkan Najib suku pertama tahun ini. Dalam ucapan pelancarannya, Najib berkata: "Pelan ini bukanlah sekadar khayalan, 'vetti pecchi' atau omongan kosong sebaliknya pelan ini adalah 'nijjam' atau kenyataan iaitu pelan realiti pertama sebagai tindakan mensejahterakan masyarakat India". Sebelum PRU-14 akan datang, masyarakat India perlu membuat perhitungan, sama ada memilih pakatan dipimpin Dr Mahathir yang pernah meringgirkan mereka selama 22 tahun atau kerajaan yang menawarkan masa depan lebih cerah dengan pelan komprehensif untuk mereka.